

## GARIS KASAR KAJIAN-KRISTALISASI

Mesej Sepuluh

### **Pemulihan Tuan—untuk Membina Zion**

Bacaan Bible: Mzm. 48:2, 11-12; 20:2; 50:2; 53:6a; 87:2;

Wahi 2:7, 11, 17, 26-28; 3:5, 12, 20-21

#### **I. Zion ialah kota Raja Daud (2 Sam. 5:7), pusat kota Yerusalem, tempat terbi- nanya bait sebagai tempat huni Tuhan di bumi (Mzm. 9:11; 2:6; 74:2; 76:2b; 125:1; 135:21; Yes. 8:18):**

- A. Yerusalem mentamsilkan gereja, dan Zion mentamsilkan pejayeng dalam gereja:
  - 1. Zion ialah serlahan Yerusalem, keindahan kota kudus—Mzm. 48:2; 50:2.
  - 2. Sebagai serlahan dan keindahan kota kudus Yerusalem, Zion mentamsilkan pejayeng sebagai puncak tinggi, pusat, peninggian, penguatan, pengayaan, keindahan, dan realiti gereja—48:2, 11-12; 20:2; 53:6a; 87:2.
  - 3. Gunung Zion sama sekali terbuka kepada Tuan dan sama sekali dimiliki-Nya—24:1, 3, 7-10.
- B. Para pejayeng sebagai Zion ialah realiti Tubuh Kristus dan mengkonsumasikan pembinaan Tubuh dalam gereja-gereja lokal untuk membawa masuk kota kudus yang terkonsumsi, iaitu Yerusalem Baru, Tempat Maha Kudus yang muktamad sebagai tempat huni Tuhan dalam keabadian—Wahi 21:16; bd. Kel. 26:2-8; 1 Raj. 6:20.
- C. Kehidupan gereja ialah Yerusalem hari ini, dan dalam kehidupan gereja harus ada sekumpulan pejayeng sebagai Zion hari ini—Roma 12:4-5; Ef. 4:16; Wahi 2:7; 3:12:
  - 1. Hal ini mewahikan bahawa gereja lokal bukan matlamat Tuhan tetapi prosedur yang diambil Tuhan untuk mencapai matlamat-Nya; gereja lokal membawa kita ke dalam realiti Tubuh Kristus.
  - 2. Puncak tertinggi pemulihan Tuan yang dapat melaksanakan ekonomi Tuhan bukanlah untuk Tuhan menghasilkan gereja lokal yang banyak secara fizikal tetapi untuk Tuhan menghasilkan Tubuh yang organik sebagai organisma-Nya—1 Kor. 12:27; Ef. 4:16.

#### **II. Kita perlu menyedari apa itu pemulihan Tuan; pemulihan Tuan adalah untuk membina Zion—Wahi 14:1; Ef. 4:16; Wahi 21:2, 9-10:**

- A. Ciri, hayat, berkat, dan penubuhan Yerusalem berasal dari Zion—1 Raj. 8:1; Mzm. 51:18; 102:21; 128:5; 135:21; Yes. 41:27; Yoel 3:17.
- B. Dalam buku Wahi, apa yang dikehendaki Tuan dan apa yang akan dibina Tuan ialah Zion, yakni para pejayeng; inilah realiti intrinsik bagi wahi rohani dalam Sabda kudus Tuhan; kita sememangnya perlu bersikap terdesak untuk berdoa biar dengan apa jua harga pun dan membayar harga sama seperti dutus Paulus—2:7, 11, 17, 26-28; 3:5, 12, 20-21; Kol. 4:2; Flp. 3:8-14.
- C. Semasa Tuan memanggil pejayeng pada zaman ini, kita harus memberi respons dengan menjadi penuh vital; menjadi penuh vital bererti menjadi hidup dan aktif dalam kesatuan dengan Tuhan kita yang hidup dan sentiasa bertindak; pergerakan Tuhan di atas bumi demi penyempurnaan ekonomi abadi-Nya akhirnya adalah menerusi para pejayeng—Dan. 11:32; Ibr. 3:12; 9:14; bd. Wahi 3:1.
- D. Para pejayeng, yang ditamsilkan oleh Zion, ialah tumpuan pantai yang menerusinya Tuan sebagai Raja kemuliaan akan kembali untuk memperoleh seluruh bumi sebagai kingdom-Nya—Mzm. 24:1, 3, 7-10; Dan. 2:34-35; 7:13-14; Yoel 3:11; Wahi 11:15; 19:13-14.
- E. Selain berdoa, tidak ada jalan lain untuk mencapai puncak tinggi ekonomi abadi Tuhan, iaitu realiti Tubuh Kristus; dengan menjadi pejayeng yang merupakan

## SATU DAN DUA RAJA-RAJA

### Mesej Sepuluh (sambungan)

realiti Tubuh Kristus untuk menjadi pengantin Kristus, kita akan menamatkan zaman ini, iaitu zaman gereja, dan akan membawa Kristus sebagai Raja kemuliaan kembali untuk mengambil, menduduki, dan memerintah bumi ini bersama dengan para pejayeng-Nya pada zaman kingdom—ay. 7-9; 20:4, 6; Mzm. 24:7-10.

- F. Surat-surat Paulus kepada orang Efesus mewahikan kehidupan para pejayeng; mereka hidup dalam realiti Tubuh Kristus dengan hidup dalam roh pembauran:
1. Realiti Tubuh Kristus ialah puncak tertinggi dalam ekonomi Tuhan dan wahi utama dalam Bible yang diwahikan menerusi roh kearifan dan wahi—1:17, 22-23.
  2. Realiti Tubuh Kristus ialah kehidupan dalam roh pembauran, iaitu tempat huni Tuhan, rumah Tuhan, Betel hari ini, pintu syurga, dan Tempat Maha Kudus, tempat huni Kristus pneumatik yang merupakan perjasadan Tuhan Tritunggal yang ditamsilkan oleh Tabut—ay. 17; 2:22; 3:5, 16; 4:23; 5:18; 6:18; Kej. 28:12-17; Yoh. 1:51; Ibr. 9:3-4; 10:19-22.
  3. Realiti Tubuh Kristus ialah realiti itu dalam Yesus, iaitu keadaan sebenar kehidupan Yesus seperti yang tercatat dalam empat Injil, yang diduplikasikan dalam anggota-Nya yang banyak sebagai kehidupan korporat Tuhan-manusia yang disempurnakan menerusi pembaruan minda melalui Roh pembaruan berbaur dengan roh mereka yang dilahirkan—Ef. 4:1-6, 15-16, 20-24; Gal. 2:20; Flp. 1:19-21a; 4:11-13.
  4. Gereja dipenuhi Roh itu yang mencantikkan dan yang mempersiapkan pengantin; Roh ini berbaur dengan roh kita, supaya kita dapat menjadi pengantin Kristus yang kudus, cantik, dan mengekspresikan Tuhan, yakni pengantin yang tanpa cacat cela atau ketidaksempurnaan—Ef. 5:18, 26-27; Yes. 60:7, 19; 62:3; Kel. 28:2; bd. Mzm. 27:4; 48:2; 50:2; 110:2-3, 7; Yes. 28:5; 60:21; 61:3.
  5. Untuk Kristus menang dalam seluruh diri kita, kita harus mengalami Roh yang membunuh itu berbaur dengan roh kita supaya segala-gala yang kepunyaan seteru Tuhan dalam kita dapat dibunuh; ini membolehkan kita memerintah dalam hayat divin kepunyaan Roh itu atas Syaitan, dosa, dan maut untuk dominion Tuhan dan untuk menjalani kehidupan Tubuh yang sihat, iaitu kehidupan gereja yang sihat—Ef. 6:10-18; Mzm. 48:12-13.

### III. Para pejayeng menikmati Kristus sebagai Tuhan Tritunggal yang berinkarnasi, yakni Tuhan-manusia itu, dan merekalah orang yang hatinya terdapat jalan raya yang menuju ke Zion—“Berberkatlah orang yang kekuatannya ada dalam Engkau, / Yang dalam hatinya terdapat jalan raya yang menuju ke Zion. / Semasa menempuh Lembah Baka, / Mereka menjadikannya mata air; / Sesungguhnya hujan awal meliputinya dengan berkat. / Mereka berjalan semakin lama semakin kuat; / Masing-masing menghadap ke hadirat Tuhan di Zion”—84:5-7:

- A. Perlucutan dan tangisan membawa masuk kenikmatan terhadap keindahan dan kemanisan rumah Tuhan—ay. 1, 6 dan nota kaki 1<sup>1</sup> dan 6<sup>1</sup>; bd. 73:26 dan nota kaki 1.
- B. Semasa kita menangis, kita dipenuhi Roh itu, dan Roh itu menjadi mata air dan hujan awal kita; jalan raya yang menuju ke Zion menandakan hasrat kita untuk masuk ke dalam gereja yang merupakan rumah Tuhan; dalamnya terdapat dua mazbah yang menandakan konsumsi utama bagi kerja Tuhan Tritunggal yang berinkarnasi, yakni Kristus sebagai perjasadan Tuhan demi pertambahan-Nya—84:3-6.

## GARIS KASAR KAJIAN-KRISTALISASI

### Mesej Sepuluh (sambungan)

- C. Mazmur 84:11 mewahikan bahawa berkat bagi kita tinggal dalam rumah Tuhan ialah kita menikmati Tuhan Tritunggal yang berinkarnasi dan terkonsumasi sebagai matahari kita untuk membekali kita dengan hayat (Yoh. 1:4; 8:12), sebagai perisai kita untuk melindungi kita daripada musuh Tuhan (Ef. 6:11-17), sebagai kurnia untuk kita nikmati (Yoh. 1:14, 17), dan sebagai kemuliaan untuk memmanifestasikan Tuhan dalam kesemarakkan (Wahi 21:11, 23).

#### **IV. “Asas-Nya berada di gunung-gunung kudus./Yehova mengasihi pintu-pintu gerbang Zion”—Mzm. 87:1-2a:**

- A. Zion, sebagai tamsil bagi pejayeng dalam gereja, dibina di atas puncak tertinggi “gunung-gunung kudus” yang mentamsilkan gereja-gereja lokal, yang asasnya ialah Kristus (ay. 1); Zion syurgawi, yang berkenaannya hal-hal yang mulia diperkatakan (ay. 3), ialah tempat rehat terakhir untuk pejayeng (Wahi 14:1).
- B. Pintu-pintu gerbang Zion adalah untuk masuk dan keluar, menandakan persekutuan; hakikat bahawa Yerusalem Baru mempunyai dua belas pintu gerbang (21:12, 21) menunjukkan bahawa kota kudus Tuhan akan penuh dengan persekutuan.
- C. “Berkeanaan Zion akan diperkatakan,/Dia ini dan dia itu dilahirkan di dalamnya,/Dan Yang Maha Tinggi sendiri akan mengukuhkannya./Yehova akan menghitung/Ketika Dia mencatat bangsa-bangsa:/Dia ini dilahirkan di sana” (Mzm. 87:5-6); Dia yang unik, iaitu Kristus, merupakan totaliti semua pekudus (“dia ini” dan “dia itu”); Dia merupakan semua pekudus dan berada dalam semua pekudus (Kol. 3:11).
- D. “Semua mata air aku berada dalam engkau” (Mzm. 87:7); biarlah Mesir bermegah-megah atas Sungai Nil dan biarlah Babylon bermegah-megah atas Sungai Efrat; mereka tidak mempunyai mata air, tetapi kita yang berada di Zion mempunyai mata air.

#### **V. Kidung Pendakian (Mzm. 120—134) berbicara tentang kemestikaan Zion dan Yerusalem dari segi pengalaman serta pujian para pekudus:**

- A. Mazmur 132 menyebut tujuh butir mestika yang berkaitan dengan pejayeng semasa mereka mendaki Zion; butir-butir ini berada di puncak kehidupan gereja, dan semuanya menggambarkan situasi pejayeng di Zion, iaitu puncak tertinggi gunung Tuhan—ay. 13-18:
1. Berehat bersama dengan Tuhan—“Inilah tempat rehat-Ku buat selama-lamanya”—ay. 14a.
  2. Tinggal bersama dengan Tuhan—“Di sini Aku akan tinggal kerana Aku menginginkan”—ay. 14b.
  3. Makanan untuk kepuasan—“Aku akan memberkati perbekalannya dengan berlimpah-limpah;/ Aku akan mengenyangkan orang miskinnya dengan makanan”—ay. 15.
  4. Pakaian mulia—“Pada hentar-hentarnya Aku akan memakaikan penyelamatan,/ Dan orangnya yang taat setia akan bersorak dengan sorakan riang”—ay. 16; bd. Kel. 28:2.
  5. Tanduk kemenangan—“Di sana Aku akan menumbuhkan tanduk Daud”—Mzm. 132:17a.
  6. Pelita yang mencahayai—“Aku telah menyediakan pelita untuk orang-Ku yang diurapi”—ay. 17b.
  7. Mahkota yang bersinar—“Pada musuh-musuhnya Aku akan memakaikan keaiban,/ Tetapi di kepalanya mahkotanya akan bersinar”—ay. 18; bd. Yes. 62:3.

## SATU DAN DUA RAJA-RAJA

### Mesej Sepuluh (sambungan)

- B. Apabila Zion dibina seperti yang digambarkan dalam Mazmur 132, kita mempunyai satu tempat bagi kita berhimpun dan tinggal bersama-sama dalam kesatuan; alangkah baik dan alangkah indahny hal ini!—133:1-3.
  - C. “Semoga Yehova, yang menjadikan langit dan bumi, / Memberkatimu dari Zion” (134:3); di mana sahaja terdapat pejayeng, di situ adanya berkat Tuhan; Tuhan sentiasa memberkati umat-Nya dari Zion, dari puncak tertinggi, daripada orang yang telah mencapai puncak, iaitu kedudukan pejayeng; dari kedudukan ini Tuhan memberkati seluruh umat-Nya.
- VI. Hari ini pada zaman gereja, Tuhan-manusia yang disempurnakan dan matang ialah Zion, yakni para pejayeng, kumpulan vital dalam gereja; namun di langit baru dan bumi baru, seluruh Yerusalem Baru akan menjadi Zion (Wahi 21:16), dengan adanya semua percayawan sebagai pejayeng—ay. 7 dan nota kaki 1.**